

# PENANDA WACANA DALAM TEKS MELAYU LAMA BERUNSUR SEJARAH

*Mohammad Fadzeli Jaafar*  
fadzeli@ukm.my

Pusat Pengajian Bahasa dan Linguistik  
Fakulti Sains Sosial  
Universiti Kebangsaan Malaysia

## Abstrak

Makalah ini bertujuan untuk mencungkil pelbagai bentuk dan fungsi penanda wacana dalam teks Melayu, yang ditulis pada awal abad ke-20. Teks kajian ini, *Hikayat Johor serta Pahang* telah dikarang oleh Mejar Dato Haji Mohd. Said Sulaiman. Kajian ini mengaplikasi model kohesi yang pernah dicadangkan oleh Halliday dan Hasan (1995). Menurut Halliday dan Hasan, kohesi terdiri daripada dua kategori utama: gramatikal (rujukan, elipsis, penggantian, penghubung) dan leksikal. Dalam model ini, penghubung (penanda wacana) termasuk dalam kategori gramatikal. Hasil kajian mendapati penanda wacana dalam teks kajian ini berfungsi sebagai pemula peristiwa dan penyambung peristiwa. Pemula peristiwa ditandai oleh dua unsur penghubung, iaitu *sebermula* dan *al-kisah*. Penyambung peristiwa pula ditandai oleh tiga jenis penghubung, iaitu penambahan, sebab dan waktu. Penghubung waktu yang terbanyak ditemui dalam teks kajian ialah *maka*, *maka apakala* dan *apakala*. Penghubung penambahan menjadi yang kedua tertinggi dalam teks *dan* dan *bahawa*. Penghubung sebab, yang paling sedikit digunakan, iaitu *oleh itu*, *dalam hal itu*, *dalam antara itu*. Kajian ini juga mendapati bahawa pola penggunaan penanda wacana dalam teks kajian ini menyamai teks Melayu lama yang lain, yang dihasilkan pada abad ke-18 dan 20. Kajian ini telah mengenal pasti kewujudan gaya bahasa Melayu moden dalam teks kajian, melalui penggunaan penanda wacana yang tertentu seperti *dan* dan *oleh itu*.

Kata kunci: penanda wacana, model kohesi, leksikal, gramatikal

**Abstract**

*This paper aims to explore the various forms and functions of discourse markers in the Malay text, written in the early of 20th century. The text, Hikayat Johor serta Pahang was written by Mejar Dato Haji Mohd. Said Sulaiman. This study applied the model of cohesion that was proposed by Halliday dan Hasan (1995). According to Halliday dan Hasan, cohesion consists of two main categories; grammatical (reference, ellipsis, substitution, conjunction), and lexical. In this model, conjunction (discourse marker) belongs to the grammatical category. This study found that discourse markers functions as event initiators and event connectors. Event initiators are marked by sebermula and al-kisah. Event connectors are expressed by three types of conjunctions: additive, causal and temporal. Temporal relations occur frequently in the text, like maka, maka apakala and apakala. Additive relations form the second most frequent, such as dan and bahawa. Finally, the least frequently used, marker are causal relations oleh itu, dalam hal itu, and dalam antara itu. This study also found that the use of discourse markers in the text is equivalent to that of other Malay classical text, which was produced in the 18th and 20th century. This study has also identified the existence of modern Malay style in the text through the use of discourse markers, such as dan and oleh itu.*

*Keywords: discourse marker, model of cohesion, lexical, grammatical*

**PENDAHULUAN**

Penanda wacana ialah unsur bahasa yang digunakan dalam sesuatu penulisan atau perbualan untuk menghasilkan wacana yang koheren atau berkesatuan. Dalam penulisan, penanda wacana bukan sahaja menghubungkan antara ayat, malah turut menghubungkan antara perenggan. Hal ini memberi gambaran bahawa penanda wacana memainkan peranan yang penting untuk menghasilkan suatu penulisan yang baik dan berkesan. Makalah ini secara khusus akan (i) meneliti pelbagai bentuk wacana dalam bahasa Melayu, dan (ii) menghuraikan fungsi penanda wacana berdasarkan konteks ayat. Teks kajian ini ialah karya Melayu lama yang berunsur sejarah oleh Mejar Dato Haji Mohd. Said Sulaiman. Hasil kajian ini bakal memperlihatkan bagaimana pengarang Melayu memanfaatkan pelbagai penanda wacana untuk mempersembahkan cerita yang berunsur sejarah. Kajian ini mengaplikasikan model kohesi yang dicadangkan oleh Halliday dan Hasan (1995), yang disesuaikan mengikut sistem nahu bahasa Melayu.

## PENANDA WACANA

Penanda wacana (*discourse marker*) telah dibahaskan oleh sarjana bahasa di dunia dengan pelbagai terminologi. Misalnya, Fraser (1999) telah menyenaraikan beberapa istilah penanda wacana oleh pengkaji bahasa, iaitu *sentence connectives* (Halliday & Hasan, 1976), *semantic conjuncts* (Quirk *et al.*, 1985), *discourse particles* (Schorup, 1985), *pragmatic connectives* (van Dijk, 1979), *pragmatic markers* (Fraser, 1988, 1990; Schiffrin, 1987) dan *discourse connectives* (Blackmore, 1987, 1992). Ternyata penggunaan istilah ini bercampur-campur. Misalnya, Halliday & Hasan dan Quirk *et al.* menganggap penanda wacana sebagai penghubung (*connectives dan conjuncts*) ayat dan semantik. Van Dijk dan Blackmore turut menggunakan istilah *connectives* yang ditumpukan pada kajian pragmatik dan wacana. Schorup pula menggunakan istilah yang sedikit berbeza, iaitu *particles*. Fraser dan Schiffrin menggunakan istilah *markers* untuk penanda wacana dalam kajian pragmatik. Setakat ini dapat dirumuskan bahawa perbezaan istilah penanda wacana dalam kalangan pengkaji bahasa di Barat dipengaruhi oleh bidang kajian.

Dari segi sintaksis, penanda wacana hadir pada bahagian awal ayat (Miriam Urgelles Coll, 2009). Misalnya, *He was really tired. However, the noise did not let him sleep.* Contoh ini menunjukkan bahawa penanda wacana hadir selepas ayat lain, dan kata *however* dalam ayat berikutnya berfungsi untuk menghubungkan kedua-dua ayat tersebut dari segi semantik. Dengan ini, penanda wacana ialah unsur yang berfungsi untuk menghubungkan dua atau lebih ayat menjadi satu kesatuan idea yang utuh.

Dalam konteks di Malaysia, kajian tentang penanda wacana masih agak baharu. Kajian penanda wacana khususnya dikembangkan oleh pengkaji wacana misalnya, Sanat Md. Nasir (2002). Sanat Md. Nasir telah mencuba menghasilkan model kohesi bahasa Melayu yang dipinda daripada Halliday dan Hasan (1976) berdasarkan data teks akhbar. Dalam model ini Sanat telah membahagikan kohesi kepada tiga jenis yang utama, tautan perulangan, tautan kolokasi dan tautan penghubung ayat. Dalam kajian Sanat, tautan penghubung ayat merujuk penanda wacana. Menurut Sanat (2002), tautan penghubung ayat (*sentence connectors*) berfungsi untuk menghubungkan antara unsur linguistik, iaitu unit teks (ayat) sebelum dengan yang sesudahnya.

Selain itu, Asmah Haji Omar (1991, 1995) banyak mengkaji penanda wacana dalam teks bahasa Melayu klasik. Asmah menggunakan istilah “kata wacana” untuk kajiannya dalam teks *Aqaid Al-Nasafi* dan teks

kesusasteraan klasik Kedah (*Syair Sultan Maulana, Hikayat Merong Mahawangsa, Hikayat Terong Pipit dan Selindong Bulan Kedah Tua*). Menurut Asmah, kata wacana ialah kata hubung yang berfungsi untuk mengaitkan butir-butir wacana supaya keseluruhan teks atau wacana dapat memperlihatkan kesatuan yang dinamakannya perpautan (*cohesion*). Dalam perkataan lain, kata wacana dapat membantu pembaca mengesan perkaitan antara bahagian ayat, misalnya perkaitan waktu. Asmah juga menambah bahawa kesusasteraan lama Melayu lebih banyak menggunakan kata wacana berbanding kesusasteraan moden. Dalam bukunya yang lain, Asmah (2008) ada juga menggunakan istilah “penanda wacana”. Dijelaskannya bahawa penanda wacana berfungsi untuk menunjukkan perkaitan sekurang-kurangnya antara dua ayat. Dalam konteks ini, penanda wacana terdiri daripada dua golongan, iaitu kata supraayat dan adverba anafora. Misalnya:

- (1) Buaya adalah reptilia. Ikan yu *pun* reptilia.
- (2) Dia tidak makan daging dan ikan. *Oleh sebab itu*, kami hidangkan sayur-sayuran sahaja.

Contoh (1) memperlihatkan partikel *pun* berfungsi untuk menegaskan salah satu unsur dalam ayat dan pada masa yang sama turut menghubungkan makna yang terdahulu dengan yang kemudian. Contoh (2) pula menunjukkan perkaitan dua ayat yang berturutan melalui adverba anafora oleh sebab itu pada pangkal ayat kedua. Adverba anafora dalam contoh ini merujuk tautan penghubung ayat (*sentence connectors*) oleh Sanat. Kajian ini turut memberi fokus kepada penghubung ayat atau penanda wacana seperti ini.

Dalam perkembangan lain, Nik Safiah *et al.* (2008) turut menggunakan istilah penanda wacana untuk semua unsur kohesi dalam bahasa Melayu, misalnya penghubung, rujukan, penggantian, leksikal dan elipsis. Pengelompokan seperti ini sedikit mengelirukan kerana penanda wacana ialah penghubung ayat (*sentence connectors*) yang lazimnya hadir pada bahagian awal ayat dan secara khusus merujuk kata penghubung. Unsur kohesi lain, misalnya rujukan, penggantian, leksikal dan elipsis bukan kata penghubung. Kesemua unsur kohesi ini tidak tergolong dalam kategori penanda wacana.

## DATA KAJIAN

Makalah ini mengkaji teks berunsur sejarah, *Hikayat Johor serta Pahang* karya Mejar Dato Haji Mohd. Said Sulaiman. Dilahirkan pada tahun 1876, Mohd. Said ialah tokoh yang hidup sezaman dengan Za'ba. Beliau banyak menghasilkan karya dalam pelbagai bidang, misalnya bahasa, sastera, sejarah, agama dan umum. Dalam bidang bahasa, Mohd. Said telah menghasilkan *Buku Katan* (1936), *Jalan Bahasa Melayu* (1937) dan *Buku Ketetapan Ejaan Melayu* (1941). Menurut Arba'iyah Mohd Noor (2011) karya berunsur sejarah oleh Mohd. Said terdiri daripada beberapa kategori, misalnya sejarah khas negeri Johor [*Hikayat Johor dan Tawarikh Almarhum Sultan Abu Bakar* (1951)], *Hikayat Johor dan Pahang*, sejarah tokoh terpilih [*Hikayat Queen Victoria* (1940/45)], sejarah negeri-negeri Melayu (*Hikayat Semenanjung Tanah Melayu dan Negeri-negeri Berhampirannya*), sejarah luar negara [*Tawarikh England* (1948)] dan sejarah Islam (*Riwayat Nabi Adam hingga Nabi Salleh*). Teks kajian ini, iaitu *Hikayat Johor dan Pahang* tidak dapat ditentukan tahun penghasilannya. Namun begitu, berdasarkan teks yang lain, *Hikayat Johor dan Pahang* ini dihasilkan pada awal abad ke-20.

Teks kajian ini terdiri daripada 30 halaman. Walau bagaimanapun, kajian ini hanya meneliti 20 halaman yang pertama kerana bahagian ini menceritakan sejarah kesultanan Johor dan Pahang. Selebihnya, 10 halaman terakhir merupakan keterangan tentang adat dan syarat kebesaran raja-raja. Keseluruhannya terdapat 43 perenggan dalam teks kajian. Perenggan ditandai oleh pelbagai penanda wacana, misalnya *sebermula*, *alkisah*, *hatta*, *kalakian* dan *arakan*.

## KERANGKA KAJIAN

Makalah ini menggunakan model kohesi yang dikemukakan oleh Halliday dan Hasan (1995) sebagai dasar kajian. Menurut Halliday dan Hasan, kohesi terdiri daripada dua kategori utama: gramatikal (rujukan, elipsis, penggantian, penghubung) dan leksikal. Berdasarkan model ini, penghubung (penanda wacana) termasuk dalam kategori gramatikal. Dalam kategori ini, penghubung ayat dapat membawa empat makna, iaitu penambahan (*additive*), pertentangan (*adversative*), sebab (*causal*) dan waktu (*temporal*).

Dari segi fungsi, penanda wacana dalam teks kajian ini berfungsi sebagai pemula peristiwa dan penyambung peristiwa. Pemula peristiwa hanya ditandai oleh *sebermula* (sebanyak 5 kali) dan *al-kisah* (2 kali). Penyambung peristiwa pula ditunjukkan oleh pelbagai penanda wacana, seperti dalam Jadual 1.

Jadual 1 memperlihatkan penggunaan penghubung dengan tiga makna yang berbeza, iaitu penambahan, sebab dan waktu. Penghubung waktu adalah yang terbanyak digunakan dalam keseluruhan teks kajian, dengan 10 penanda wacana, dan 112 kali (87 peratus). Penanda wacana yang paling dominan digunakan ialah *maka* (78), diikuti *maka apakala* (15) dan *apakala* (10). Penanda wacana yang lain hanya digunakan sekali atau 2 kali. Penghubung penambahan menjadi yang kedua tertinggi dengan 9 kali, ditunjukkan oleh penanda wacana *dan* (6), dan *bahawa* (3). Yang terakhir penghubung sebab digunakan sebanyak 6 kali (*oleh itu, dalam hal itu, dalam antara itu*). Secara keseluruhannya, pengarang telah memanfaatkan pelbagai penanda wacana dalam karangannya. Hal ini menunjukkan kepekaan pengarang tentang pelbagai bentuk dan fungsi penanda wacana dalam bahasa Melayu. Jumlah penanda wacana yang ditemui dalam teks kajian ini sebenarnya banyak kerana data yang dikaji hanya 20 halaman. Perbincangan berikutnya akan menghuraikan fungsi pelbagai penanda wacana dalam teks kajian berdasarkan konteks ayat.

**Jadual 1** Penyambung peristiwa.

Penghubung	Penanda Wacana	Jumlah	Peratus
<b>Penambahan</b>	Dan	6	7%
	Bahawa	3	
<b>Sebab</b>	Dalam hal itu	3	5%
	Dalam antara itu	2	
	Oleh itu	1	
	Dalam itu	1	
<b>waktu</b>	Maka	78	88%
	Maka apakala	15	
	Apakala	10	
	Arakian	2	
	Sekali	2	
	Shahadan	1	
	Hatta apakala	1	
	Kalakian	1	
	Adapun	1	
	Kemudian	1	
<b>Jumlah</b>	16	128	100%

## HASIL KAJIAN

Penanda wacana dalam teks kajian ini dibincangkan berdasarkan fungsi masing-masing dalam ayat. Sebagaimana yang telah dijelaskan sebelum ini, dua fungsi penanda wacana dalam teks kajian ini ialah sebagai pemula peristiwa dan penyambung peristiwa.

## PEMULA PERISTIWA

Pemula peristiwa merujuk kehadiran penanda wacana yang tertentu pada pangkal perenggan dengan tujuan untuk memulakan sesuatu peristiwa. Dalam kajian Asmah Haji Omar (1995) terhadap teks klasik Kedah, antara penanda wacana yang digunakan untuk memulakan sesuatu peristiwa ialah *alkisah*, *adalah*, *sebermula*, *bermula* dan *tersebut*. Teks kajian Asmah dihasilkan pada abad ke-19, misalnya *Hikayat Merong Mahawangsa* dan abad ke-20, misalnya *Hikayat Terong Pipit*. Teks kajian ini ditulis pada awal abad ke-20. Maka, tidak hairanlah, penanda wacana sebagai pemula peristiwa dalam teks kajian ini hampir sama dengan teks klasik Kedah.

Hikayat ini dimulakan dengan kata *sebermula*. Kata ini berfungsi untuk memulakan sesuatu peristiwa. Berbanding dengan *al-kisah*, kata *sebermula* lebih kerap digunakan, iaitu sebanyak 5 kali. Misalnya:

- (3) 1.1 **Sebermula**, maka adalah telah dapat diketahui mula-mula Mahmud menjadi sultan di Johor lama, Abdul Jalil bendaharanya, dan seorang orang besar sultan Mahmud, namanya Megat Seri Rama.
- (4) 38.0 **Sebermula** masa Sulaiman menjadi sultan di Riau, Raja Muda anak saudara Abdul Jalil menjadi Raja Muda juga di Riau, ia berkhotbah dengan bendahara Abbas.

Angka pertama dalam 1.1 bermaksud perenggan pertama, sementara angka 1 berikutnya merujuk ayat yang pertama dalam perenggan tersebut. Bersesuaian dengan teks berunsur sejarah, kata *sebermula* digunakan untuk memulakan suatu peristiwa, iaitu Sultan Mahmud menjadi sultan di Johor lama, dengan bendaharanya, Abdul Jalil dan orang besarnya, Megat Seri Rama. Perenggan selepasnya berkisar tentang tiga pemimpin ini. Contoh (4) turut memulakan peristiwa melalui kata *sebermula*, iaitu Sultan Sulaiman di Riau, sementara anak saudara Abdul Jalil menjadi Raja Muda di situ. Seterusnya dibandingkan dengan contoh yang berikut:

- (5) 6.0 **Al-kisah**. Maka, **tersebutlah** perkataan anak raja Bugis namanya Upu Daing Parani belayar dari negeri Bugis singgah di negeri Johor.
- (6) 10.0 **Al-kisah**. Maka **diceritakan** oleh orang yang empunya cerita ini asal Raja Pahang yang memerintah daripada zaman dahulu hingga sekarang ini, yang telah dapat diceritakan separuh atau pun sesuku kerana aturan ini bukannya didapat dengan tulisan melainkan dapat diceritakan oleh orang tua-tua, mana-mana yang salah atau pun silap banyaklah menerima kasih dimintalah encik dan tuan-tuan yang membacanya tolong betulkan.

Kajian ini berpandangan bahawa *al-kisah* ialah salah satu ciri teks berunsur sejarah. Kata *alkisah* berbeza cara penggunaannya berbanding dengan *sebermula*. Kata *alkisah* tidak menjadi sebahagian daripada ayat yang lain. Kata ini lebih berfungsi sebagai penegasan kepada peristiwa. Pembaca seolah-olah dihadapkan dengan suatu peristiwa baru. Misalnya contoh (5) menceritakan peristiwa anak raja Bugis yang bernama Upu Daing Parani yang belayar ke Johor, sementara contoh (6) menceritakan asal usul Raja Pahang. Sesuatu yang dapat dikesan ialah *alkisah* ada ciri ketidakpastian. Dalilnya, kehadiran kata *tersebutlah* dan *diceritakan* yang memberi gambaran bahawa pengarang tidak pasti tentang kebenaran peristiwa tersebut – berdasarkan cerita orang. Kata *sebermula* sebaliknya ada ciri pasti sebab menceritakan permulaan Mahmud dan Sulaiman menjadi sultan, iaitu peristiwa yang benar-benar berlaku.

## PENYAMBUNG PERISTIWA

Penyambung peristiwa ialah penanda wacana yang berfungsi untuk menyambung sesuatu peristiwa yang telah diceritakan sebelumnya. Penanda wacana ini, misalnya *dan* dan *maka* adalah penting untuk menghubungkan sesuatu peristiwa dengan peristiwa yang lain menjadi satu cerita yang utuh. Misalnya:

- (7) 1.3 Pada suatu hari, turun seorang dari darat membawa buah nangka: dipanggil oleh bini Megat Seri Rama, katanya, “Berapa handak dijual? Jawab orang yang membawa itu, “Tiada hendak jual kerana hendak dipersembahkan pada Raja”. 1.4 **Dalam antara itu, diambil juga** oleh bini Megat Seri Rama seulas lalu dimakannya. 1.5 **Dan nangka itupun** dipersembahkan pada Sultan Mahmud, maka didapati oleh sultan Mahmud nangka itu sudah dicacat oleh orang di tengah jalan, lalu disuruh orang periksa, didapati bini



Megat Seri Rama yang mengambilnya.1.6 **Maka Sultan Mahmud pun** murkalah lalu disuruh bunuh bini Megat Seri rama itu, dan bini Megat Seri Rama pun matilah kena bunuh.

Dapat diperhatikan penghubung *dan*, *dalam antara itu* dan *maka* berfungsi untuk menyambung peristiwa sebelumnya. Persamaan kesemua penghubung ini ialah kehadiran partikel *juga* dan *pun*, untuk penanda wacana dalam “**Dalam antara itu**, diambil juga...”, dan “**Dan** nangka itupun dipersembahkan”, dan “**Maka**, sultan Mahmud pun murkalah”. Penggunaan penghubung ini juga memperlihatkan pertautan peristiwa secara kronologi. Petikan ini menceritakan peristiwa isteri Megat Seri Rama dengan pembawa nangka. Isteri Megat Seri Rama meminta buah nangka yang akan dipersembahkan kepada Raja. Ayat 1.4 ialah sambungan peristiwa tersebut, apabila diambilnya juga seulas buah nangka untuk dimakan. Penghubung *dan* dalam ayat 1.5 berfungsi untuk menyambung peristiwa dalam ayat sebelumnya, apabila Sultan Mahmud menyedari buah nangka tersebut sudah cacat. Ayat 1.6 merupakan pengakhiran cerita melalui penghubung *maka*, iaitu Sultan Mahmud memerintahkan isteri Megat Seri Rama dibunuh. Pola kronologi dalam petikan ini dapat dirumuskan seperti yang berikut:

*Pada suatu hari* → *Dalam antara itu* → *Dan* → *Maka*

Masing-masing penanda wacana berfungsi untuk memautkan satu bahagian peristiwa dengan peristiwa yang lain, sehinggalah mencapai pengakhiran cerita, iaitu pembunuhan isteri Megat Seri Rama. Dengan ini, penanda wacana tersebut bukan sahaja berfungsi sebagai penyambung peristiwa, tetapi menyusun peristiwa secara kronologi. Dalam sebuah teks yang berunsur sejarah urutan peristiwa secara kronologi adalah penting untuk membantu pembaca memahami kaitan suatu peristiwa dengan peristiwa yang lain.

Kajian ini mendapati bahawa teks kajian ini mengandungi ciri bahasa Melayu moden, yang dapat dikesan melalui penggunaan unsur *dan* pada bahagian awal perenggan. Misalnya:

- (8) 40.0 **Dan Sultan Sulaiman pun** menjadi rajalah di Riau itu: mati Sulaiman menjadi sultan di Riau, iaitu cucu kepada Sulaiman, anak Abdul Jalil.

Walaupun hadir pada bahagian awal perenggan, unsur *dan* masih menunjukkan fungsi yang sama, iaitu menyambung peristiwa sebelumnya. Yang menariknya, kehadiran *dan* pada awal perenggan dan pada awal ayat menjadi bukti bahawa unsur ini bukan hanya berfungsi untuk menghubungkan antara klausa dalam ayat, tetapi lebih luas lagi sebagai penghubung antara ayat dan perenggan. Gaya seperti ini ditemui dalam teks sastera moden, misalnya cereka karya sasterawan negara A. Samad Said pada pertengahan abad ke-20. Nampaknya, telah wujud kesinambungan dari segi gaya bercerita oleh pengarang Melayu. Implikasi penemuan ini ialah teks *Hikayat Johor serta Pahang* ini mengandungi ciri gaya bahasa Melayu moden walaupun sarat dengan penanda wacana yang bersifat arkaik.

Suatu hal yang menarik untuk dibincangkan ialah penggunaan *maka* dalam teks kajian ini. Umar Junus (2010) menyebut bahawa *maka* merupakan gaya wacana prosa sebelum abad ke-20. Hal ini memang tidak dapat dinafikan kerana teks kajian ini turut menggunakan banyak *maka*. Walau bagaimanapun, penggunaan *maka* dalam teks kajian ini tidaklah sebanyak yang terdapat dalam hikayat yang dihasilkan pada abad ke-19. Misalnya:

- (9) **Maka** apakala Upu mendengar surat itu, ia pun datang pula serta dilanggar pula Raja Kechik itu. **Maka** tiada berapa lama perang itu, alahlah pula, Raja Kechik itu lalu undur ke Siak. **Maka**, putera Sultan Abdul Jalil bernama Tengku Sulaiman ditabalkan Upu dijadikan Sultan Johor. **Maka** Sultan Sulaiman pun berkerajaanlah di Johor itu. Maka Upu Daing Parani pun balik ke Bugis tinggal anaknya seorang di Johor bernama Upu Daing Merewah.

Contoh di atas dipetik daripada perenggan keenam. Setiap ayat dihubungkan oleh *maka* yang berfungsi untuk menjalinkan cerita menjadi satu urutan peristiwa yang bersifat fakta. Bersesuaian dengan karya yang berunsur sejarah, unsur *maka* nampaknya sangat penting untuk menggerakkan cerita dan menyatakan fakta. Walau bagaimanapun, kajian ini mendapati bahawa pengarang sudah mula menggunakan ayat yang tidak terlalu panjang sebagaimana yang lazim ditemui dalam hikayat sebelumnya. Hal ini memberi gambaran tentang peralihan gaya bahasa Melayu lama kepada bahasa Melayu moden melalui penanda wacana.

## **PENEGAS FAKTA**

Seterusnya, kajian ini turut menemui penanda wacana yang berfungsi untuk menegaskan fakta, misalnya:

- (10) 36.0 **Bahawa** dengan *sesungguhnya* Bendahara itu ‘ibarat tangan kanan sultan, Temenggung itu ‘ibarat tangan kiri sultan: di bawah itu Orang Besar berempat gelarannya seperti di bawah ini:
- (11) 16.13 **Adapun** Tuan Jambul itu ia *menjadi* menteri kepada Bendahara Tun Abdul Majid yang telah mangkat itu.

Ayat (10) menggunakan *bahawa* untuk menyatakan fakta tentang peranan Bendahara dan Temenggung sebagai tangan kanan dan kiri sultan. Kehadiran kata *sesungguhnya* menegaskan lagi bahawa pernyataan ini bersifat fakta. Ayat (11) melalui *adapun* turut menyatakan fakta bahawa Tuan Jambul merupakan menteri kepada Bendahara Tun Abdul Majid. Kata *menjadi* berfungsi sebagai dalil bahawa maklumat ini adalah benar.

## **PENYEBAB PERISTIWA**

Penyebab peristiwa ditandai oleh penanda wacana tertentu yang berfungsi untuk menghubungkan sebab-musabab sesuatu peristiwa yang terjadi. Penanda wacana penyebab sesuatu peristiwa ditandai oleh *oleh itu*. Misalnya:

- (12) 12.2 Pada suatu hari Sultan Sulaiman santap nasi, diajaknya Tun Abdul Mutalib makan sehidang dengannya, dan anak Temenggong Abdul Jamal yang bernama Daing Cholak dan Daing Busu menyelampai tetapan mengadap Sultan Sulaiman santap itu. 12.3 Oleh itu menjadi musykil di hati Temenggung Abdul Jamal, anaknya tiada makan bersama-sama, dan menaruh dendamlah Temenggung Abdul Jamal itu.

Berdasarkan penelitian, penggunaan *oleh itu* dalam teks kajian ini merupakan salah satu ciri bahasa Melayu moden. Bentuk *oleh itu* atau *oleh sebab itu* kerap ditemui dalam tulisan ilmiah bahasa Melayu moden. Contoh (12) menggunakan *oleh itu* untuk menyatakan penyebab Temenggung Abdul Jamal menjadi musykil akan anaknya yang tidak makan bersama-sama, lantas menimbulkan perasaan dendam. Penggunaan *oleh itu* oleh

pengarang dalam teks kajian ini memberi petanda bahawa teks kajian ini tidak seluruhnya dipengaruhi oleh gaya bahasa Melayu klasik.

## **PENAMBAH PERISTIWA**

Yang dimaksudkan penambah peristiwa ialah penggunaan penanda wacana yang tertentu dengan tujuan untuk menambah sesuatu peristiwa. Penanda wacana tersebut ditandai oleh shahadan dan arakian. Misalnya:

- (13) 4.0 **Shahadan pada suatu hari** Sultan Abdul Jalil bertanya akan adiknya tiada nampak: sembah orang-orang, “Masa Paduka Raja lari, Zain al-Abidin ada di dalam perahu anak Paduka Raja.”
- (14) 13.0 **Arakian pada suatu masa** Bendahara Abdul Majid pergi ke Riau mengadap Sultan Sulaiman dan anaknya Tun Abdul Mutalib pergi bersama-sama.

Kedua-dua contoh (13) dan (14) hadir pada bahagian awal perenggan. Unsur *shahadan* dalam ayat (13) berfungsi untuk menambah peristiwa, iaitu Sultan Abdul Jalil bertanya kepada adiknya, sementara ayat (14) menggunakan *arakian* pada awal ayat untuk mengemukakan peristiwa Bendahara Abdul Majid dan anaknya Tun Abdul Mutalib yang pergi ke Riau mengadap Sultan Sulaiman. Penanda penambahan peristiwa ditandai oleh frasa *pada suatu hari/pada suatu masa*. Dengan ini pola penambah peristiwa dalam teks kajian ini ialah *shahadan/arakian + pada suatu hari/pada suatu masa*.

## **WAKTU PERISTIWA**

Waktu peristiwa merujuk masa sesuatu peristiwa itu berlaku. Dalam teks kajian ini, penanda wacana yang berfungsi untuk menunjukkan waktu terjadinya sesuatu peristiwa ialah *hatta, maka, maka apakala, apakala, kemudian, kalakian, sekali* dan *adapun*. Penanda wacana dalam kategori waktu adalah yang terbanyak berbanding penambah *dan* kerana teks kajian ini berunsur sejarah. Pembaca perlu mengetahui waktu sesuatu peristiwa itu berlaku dan siapa yang terlibat dalam kejadian tersebut. Misalnya:

## Penghubung Waktu + Kata Kerja *Sampai/Balik*

Za'ba (1965) menjelaskan bahawa *apabila*, *apakala* dan *manakala* merupakan unsur bahasa yang berfungsi sebagai penghubung masa. Teks kajian ini memperlihatkan tiga bentuk penanda wacana yang menunjukkan masa/waktu sesuatu peristiwa itu terjadi, iaitu *maka apakala*, *hatta apakala* dan *apakala*. Secara keseluruhannya, sejumlah 26 (23 peratus) unsur bahasa ini digunakan dalam teks kajian ini. Jumlah ini adalah yang kedua terbanyak selepas *maka*. Hal ini memberi gambaran bahawa penghubung waktu mencirikan teks lama berunsur sejarah. Misalnya:

- (15) 14.0 **Maka apakala sampai** di Riau, Temenggung pun masuklah ke dalam kurung sekodi menyuluh, ditakdir Tuhan jatuh api di tempat ubat bedil lalu meletup: Temenggung Abdul Jamil pun mangkat berdua beranak dengan Daing Busu: Daing Celak dimakan oleh api juga tetapi mangkatnya kemudian sedikit.
- (16) 15.2 Tengah hilir itu di rantau Kuala Lepar disuruhnya buang dapur hendak sampai bangat. 15.3 **Maka apakala sampai** di Pekan, didapatinya Temenggung Abdul Jamal sudah balik ke Riau. 15.4 Maka Tun Muhammad pun meminta pada ayahandanya Bendahara Abdul Majid hendak menurut ke Riau: maka tiada dibenarnya oleh Bendahara Abdul Majid, maka diturutinya juga. 15.5 **Apakala sampai** di Riau, didapati khabar oleh Tun Muhammad Temenggung Abdul Jamal sudah mangkat dua beranak sekali dimakan oleh api ubat bedil.
- (17) **2.0 Hatta, apakala** Megat Seri Rama **balik** daripada melanggar Linggi itu, ia pun mendapat khabar bininya telah mati kena bunuh, maka ia pun menadap bendahara Abdul Jalil, sembahnya, "Dato', hamba ini hendak menderhaka."

Pola yang menarik dalam contoh di atas ialah unsur *apakala* akan diikuti oleh kata kerja yang menunjukkan makna [+pergi], misalnya *sampai* dan *balik*. Kata kerja *sampai* dan *balik* merujuk proses pergi dari satu tempat ke tempat yang lain. Perbezaannya, *sampai* ialah proses pergi dari A sampai ke B, sementara *balik* ialah proses pergi dari B kembali ke A. Penanda wacana *maka apakala* dan *hatta apakala* boleh hadir pada pangkal perenggan, misalnya contoh (15) dan (17). Unsur *apakala* pula hanya hadir pada pangkal ayat. Walau bagaimanapun, kesemua penanda wacana ini masih memperlihatkan fungsi yang sama.

## **Penghubung waktu + kata kerja *datang/berangkat***

Selain itu, terdapat juga penanda wacana waktu lain yang memperlihatkan pola yang hampir sama dari segi penggunaan kata kerjanya. Misalnya:

- (18) 2.6 Dan kata Temenggong, “Jika mati raja itu, tiada lain orang yang boleh menjadi raja hanyalah abang: jika abang menjadi raja, sahaja hendak menjadi Raja Muda. 2.7 **Dalam hal itu *datang*** pula Megat Seri Rama mengadap Bendahara Abdul Jalil sembahnya, “Dato’ sahaya hendak menderhaka.
- (19) 3.0 Maka apakala orang besar Terengganu mendapat surat, lalulah ditangkapnya Paduka Raja itu dan dibawanya balik ke Terengganu. 3.10 **Kemudian *datang*** pula surat daripada Sultan Abdul Jalil dengan kerisnya disuruh habiskan Paduka Raja itu.
- (20) ”7.0 **Kalakian** Upu-upu pun ***datang*** ke Pahang mengadap Sultan Sulaiman, mempersilakan balik ke Riau.
- (21) 13.0 **Sekali** persetua Sultan Sulaiman ***berangkat*** ke Pahang dan Temenggung Abdul Jamil tiga beranak mengiring juga.
- (22) 40.0 **Sekali** persetua pada suatu masa tuan Raffles ***datang*** ke Singapura ia bertanya pada Salleh, “Siapa raja di sini?” jawabnya, “Temenggung Abdul Rahman”.

Kesemua contoh (18) – (22) di atas menggunakan kata kerja yang menunjukkan pergerakan dari satu tempat ke tempat lain. Kata kerja datang ada makna [+hadir/muncul]. Misalnya contoh (18) menceritakan peristiwa Megat Seri Rama mengadap Bendahara Abdul Jalil. Contoh (20) memperlihatkan peristiwa Upu-upu datang mengadap Sultan Sulaiman di Pahang, dan contoh (22) tentang kedatangan Raffles ke Singapura. Contoh (19) ada sedikit perbezaan kerana yang datang ialah benda, iaitu surat dan keris daripada Sultan Abdul Jalil. Dengan ini, dapatlah dirumuskan pola contoh yang dibincangkan ini seperti yang berikut:

Penanda wacana waktu + kata kerja datang  
(*Dalam hal itu, kemudian, kalakian, sekali*) (orang atau benda)

Seterusnya contoh (21) sebenarnya masih mengimplikasikan makna yang sama walaupun menggunakan kata kerja waktu yang berbeza, *berangkat*. Kata kerja ini ada makna pergerakan ke tempat lain. Perbezaannya dengan kata kerja *datang* ialah kata kerja ini ada makna sudah sampai ke sesuatu tempat yang dituju. Kata kerja *berangkat* pula ialah proses untuk memulakan pergerakan, iaitu belum sampai lagi ke tempat yang ingin dituju. Dalam konteks ini, Sultan Sulaiman ingin ke Pahang diiringi oleh Temenggung Abdul Jamil tiga beranak.

## KESIMPULAN

Kajian ini telah memperlihatkan kepelbagaian bentuk dan fungsi penanda wacana dalam teks berunsur sejarah yang dihasilkan pada abad ke-20. Beberapa penemuan penting dalam kajian ini yang dapat mencirikan teks berunsur sejarah dari segi penggunaan penanda wacana ialah:

- (a) Teks berunsur sejarah mementingkan urutan peristiwa yang disusun secara teratur. Dalam konteks ini, penanda wacana berfungsi untuk memulakan sesuatu peristiwa dan menyambung peristiwa secara kronologi.
- (b) Pola penggunaan penanda wacana dalam teks kajian ini menyamai teks Melayu lama yang lain, yang dihasilkan pada abad ke-18 dan 20. Hal ini memperlihatkan penggunaan penanda wacana dalam bahasa Melayu adalah standard atau seragam.
- (c) Teks kajian ini ada ciri bahasa Melayu moden, melalui penggunaan penanda wacana yang tertentu, misalnya *dan* dan *oleh itu*. Kajian lanjut tentang teks lain yang sezaman dengan karya ini mungkin dapat menjejaki peralihan bahasa Melayu lama kepada bahasa Melayu moden secara lebih tuntas.

Hasil kajian ini juga memperlihatkan bahawa bahasa Melayu mempunyai sistem penanda wacana yang tersendiri. Bahasa Melayu lama ternyata kaya dengan pelbagai penanda wacana yang sebahagian besarnya menjadi arkaik, iaitu tidak digunakan lagi. Walau bagaimanapun, penanda wacana arkaik ini, misalnya *shahadan*, *al-kisah*, *kalakian*, dan *arakian* telah digantikan dengan penanda wacana baharu, misalnya, unsur

penghubung penambahan (*dan, atau, dalam perkataan lain, maksudnya, tegasnya, yakni, misalnya*), perbandingan (*tetapi, bagaimanapun*), sebab (*oleh itu, dalam hal/kes ini, dengan ini*), waktu (*kemudian, selepas itu, pertama, akhirnya*) dan kesinambungan (*kini, tentunya, sekarang, seterusnya, selain itu*). Hal ini menunjukkan bahasa Melayu telah melalui proses inovasi dan transformasi mengikut peredaran zaman.

## RUJUKAN

- Arba'iyah Mohd Noor, 2011. *Mohd Said Sulaiman: Cendekiawan Terbilang Johor*. Johor: Yayasan Warisan Johor.
- Asmah Haji Omar, 1991. *Bahasa Melayu Abad Ke-16: Satu Analisis Berdasarkan Teks Melayu Aqaid Al-Nasafi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar, 1995. *Bahasa Kesusasteraan Klasik Kedah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Coll. M. U. 2009. “‘Anyway’ a Formal Approach to the Syntax and Semantics of Discourse Markers”. Unpublished PhD thesis. University of Essex. 2009.
- Fraser, B., “What are Discourse Markers?” dlm. *Journal of Pragmatics* 31, 931-52, 1999.
- Halliday, M.A.K. & Ruqaiya Hasan, 1976. *Cohesion in English*. London: Longman.
- Halliday, M.A.K. & Ruqaiya Hasan, 1995. *Cohesion in English*. London: Longman.
- Nik Safiah Karim *et al.*, 2008. *Tatabahasa Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sanat Md. Nasir, 2002. *Tautan dalam Wacana Bahasa Melayu Akhbar*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Umar Junus, 2010. *Gaya Bahasa Sastera Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zainal Abidin Ahmad, 1965. *Pelita Bahasa Melayu Penggal 1*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.